

# BAHASA MALAYSIA

Arahan: Kertas ini mengandungi tiga bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**. Anda dikehendaki menjawab semua soalan dalam ketiga-tiga bahagian ini. Tiap-tiap soalan dalam **Bahagian A** diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A**, **B**, **C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Manakala **Bahagian B**, pelajar dikehendaki untuk mengisi jawapan yang sesuai dan jawab satu soalan dalam **Bahagian C**.


## BAHAGIAN A (20 MARKAH)

### Soalan 1 hingga 10

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

1. “\_\_\_\_\_ akan menganugerahkan keris sakti ini kepada sesiapa sahaja yang berjaya menumpaskan penderhana itu,” titah Sultan Abidin.  
A. Beta                                   B. Tuanku  
C. Beliau                               D. Baginda
2. Ayah membersihkan longkang di tepi rumah agar \_\_\_\_\_ tidak dapat membiak.  
A. jejeri                               B. tetupai  
C. lelabah                              D. jejentik
3. Ayah sentiasa menasihati kami \_\_\_\_\_ menghormati orang yang lebih tua.  
A. demi                                  B. agar  
C. kerana                               D. lalu
4. Denise Leong hanya makan se \_\_\_\_\_ nasi kerana dia demam.  
A. pinggan                             B. segenggam  
C. suap                                  D. buku
5. Pelayan restoran itu \_\_\_\_\_ sedulang minuman yang dipesan oleh pelanggan.  
A. menatang                           B. mengelek  
C. menjinjing                         D. membimbhit

### Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



6. Abang \_\_\_\_\_ dahan kayu yang terkena bumbung rumah mereka dengan sebilah parang yang tajam.  
A. menetak                             B. memotong  
C. mengerat                           D. mencantas

7. Kapal dagang itu telah \_\_\_\_\_ meninggalkan pelabuhan .  
A. berlabuh                           B. belayar  
C. bergerak                           D. berganjak
8. Perlawanan persahabatan bola sepak itu akan dijalankan di \_\_\_\_\_.  
A. Stadium Bukit Jalil             B. Jalan Maharaja  
C. Restoran Maju                   D. Tasik Bera
9. Arif merupakan pelajar yang \_\_\_\_\_ dalam tingkatan satu di sekolahnya.  
A. terpandai                           B. terpandai sekali  
C. amat terpandai                   D. amat terpandai sekali
10. Jamal tidak mengendahkan nasihat ibunya supaya dia berjimat cermat. \_\_\_\_\_ dia bertambah kerap mengunjungi pusat-pusat hiburan bersama rakan-rakannya.  
A. Sebaliknya                       B. Tambahan pula  
C. Semenjak itu                     D. Sungguhpun begitu

### Soalan 11 dan Soalan 12: Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberi.

11. “Tolong belikan kakak dua batang pen,” minta Dania kepada adiknya.  
A. Adik Dania meminta Dania membeli dua batang pen.  
B. Adik Dania menyuruhnya membeli dua batang pen.  
C. Dania menolong adiknya membeli dua batang pen.  
D. Dania meminta adiknya membeli dua batang pen.
12. Cikgu Salim memberikan kebenaran kepada Anis untuk ke kedai buku.  
A. Anis meminta kebenaran untuk pergi ke kedai buku.  
B. Anis mendapat kebenaran daripada Cikgu Salim untuk pergi ke kedai buku.  
C. Anis dan Cikgu Salim mendapat kebenaran untuk ke kedai buku.  
D. Cikgu Salim mendapat kebenaran daripada Anis untuk ke kedai buku.

### Soalan 13: Pilih ayat yang **betul**.

13. A. Semoga penuhkan kerusi di bahagian hadapan.  
B. Minta kemaskan buku-buku yang ada atas meja kamu itu.  
C. Harap disebut lagi nama lelaki yang tidak bertanggungjawab itu.  
D. Jemput semua tetamu menikmati juadah yang sudah terhidang.

### Soalan 14: Pilih peribahasa yang betul berdasarkan gambar di bawah ini.




- A. Kaki bangku                       B. Kaki botol  
C. Kaki ayam                           D. Berat kaki



想要询问其他年级或更多有关免费试课的详情，欢迎联络我们(011-2818 3030)哟！

[https://wa.link/l1h4e2?utm\\_medium=pdf&utm\\_source=pdf\\_ad&utm\\_campaign=cis\\_entrance\\_exam](https://wa.link/l1h4e2?utm_medium=pdf&utm_source=pdf_ad&utm_campaign=cis_entrance_exam)



如果您有试卷想要提供，欢迎私信我们的面子书专页 [【30 网校】](#)，或者电邮至：[hi@30.com.my](mailto:hi@30.com.my)

**Soalan 15:** Pilih peribahasa yang sesuai bagi ayat di bawah.

15. Alana begitu \_\_\_\_\_ dengan sikap ibunya yang sering memberikan perhatian kepada adiknya sahaja.
- A. ada hati                          B. cekal hati  
C. kecil hati                        D. rendah hati

**Soalan 16 hingga Soalan 20**

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Di hujung sebuah negeri, tinggal seorang lelaki yang digelar oleh orang kampung dengan nama Pak Jamal. Dia seorang yang gemar makan tetapi malas bekerja. Sehari-harian, dia duduk diam di rumahnya dan menghabiskan masa dengan makan dan tidur sahaja.

Pak Jamal selalu menjadi buah mulut orang kampung kerana sifat malasnya itu. Namun begitu, atas perasaan belas kasihan kepada Pak Jamal, orang kampung selalu juga menghantar makanan ke rumahnya. Kalau dihantar sepenggan nasi berlaukan ikan, sekejap sahaja licin dimakannya, sampai ikan pun tidak tinggal kepala. Kalau dihantar tiga biji durian, ketiga-tiga habis dibelah dan dimakannya. Itu pun mujur biji durian tidak boleh ditelan. Kalau dihantar beberapa biji kelapa muda, **nescaya tinggal sabut dan tempurunglah akhirnya**.

Sesetengah penduduk kampung geram akan perangai Pak Jamal itu. "Bekerja malas sangat, makan rajin," kata mereka. Sesetengahnya pula merungut, "Bekerja tidak, makan kuat". Namun, Datuk Penghulu menasihati orang kampung supaya bersabar dan berdoa agar Pak Jamal berubah suatu hari nanti.

"Kasihanilah anak Pak Jamal yang masih kecil itu. Kalau Pak Jamal malas bekerja, kita harus membantunya supaya dia dan anaknya tidak mati kebuluran," kata Datuk Penghulu. "Lagipun, kita tidak mengetahui buruk nasib seseorang. Jangan mudah menghina seseorang. Siapa tahu besok-besok mungkin dia menjadi orang mulia," ujar Datuk Penghulu itu lagi.

Pak Jamal tinggal berdua dengan anak lelakinya. Isterinya telah lama meninggal dunia. Mujurlah setelah beberapa tahun anaknya yang semakin besar itu tidak **mengikut jejak langkah** bapanya itu. Tiap-tiap hari, pagi-pagi lagi Kasim sudah turun dari rumahnya untuk menolong orang kampung. Dia pandai memanjat pokok kelapa untuk mengambil buah kelapa serta pandai melakukan kerja di sawah dan di kebun. Dia juga pandai menyirat jala dan pukat yang koyak.

Oleh sebab Kasim seorang budak yang ringan tulang, penduduk kampung selalu memberikan upah kepadanya. Dia mendapat upah makanan dan kadang-kadang mendapat upah berupa wang ringgit. Apabila pulang ke rumahnya, jika lau tiada makanan, Kasim akan memasak apa-apa makanan untuk bapanya.

6. Apakah sikap yang kurang disenangi oleh penduduk kampung terhadap Pak Jamal?

- A. Culas                              B. Biadap  
C. Boros                             D. Sombong

17. Apakah maksud pernyataan **nescaya tinggal sabut dan tempurunglah akhirnya**?

- A. Pak Jamal juga makan sabut dan tempurung.  
B. Pak Jamal makan isi kelapa muda sehingga habis.  
C. Pak Jamal menjual kelapa muda yang diberikan kepadanya.  
D. Pak Jamal mengasingkan isi kelapa muda dengan sabut dan tempurung.

18. Antara berikut yang manakah **bukan** kebolehan Kasim berdasarkan petikan tersebut?

- A. menuai padi                      B. menjala ikan  
C. menyirat pukat                   D. memetik buah kelapa

19. Apakah perumpamaan yang amat sesuai dikaitkan dengan sikap Pak Jamal dan anaknya?

- A. bagi kuku dengan isi              B. bagi aur dengan tebing  
C. bagi langit dengan bumi           D. bagi dihiris dengan sembilu

20. Apakah maksud rangkai kata **mengikut jejak langkah** dalam petikan tersebut?

- A. menurut suruhan                   B. mengingkari janji  
C. menghormati sikap               D. mencontohi perbuatan

**BAHAGIAN B ( 20 MARKAH )**

Isi tempat kosong berikut dengan menggunakan **kata kerja** yang sesuai.

1. Kapal terbang itu akan \_\_\_\_\_ dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah pada pukul 10.45 malam.
2. Budak-budak itu \_\_\_\_\_ bertempiaran apabila ternampak seekor anjing berlari ke arah mereka.
3. Puan Hidayah \_\_\_\_\_ kari ayam dan rendang daging untuk hidangan makan malam.
4. Pemandu bas mini itu \_\_\_\_\_ dengan laju tanpa menghiraukan keselamatan para penumpang.
5. Cikgu Ridzuan \_\_\_\_\_ mata pelajaran Matematik.
6. Naim \_\_\_\_\_ tali kasutnya dengan kemas sebelum turun bermain bola di padang.
7. Anak ayam lari bertempiaran apabila seekor helang cuba \_\_\_\_\_.
8. Kenny jatuh terduduk apabila \_\_\_\_\_ kulit pisang.
9. Jika daun pokok semalu \_\_\_\_\_ daun pokok itu akan mengucup.
10. Cucu Pak Man \_\_\_\_\_ kaki datuk mereka yang lenguh-lenguh itu.

## **BAHAGIAN C ( 40 MARKAH )**

Bahagian ini mengandungi **dua soalan**. Jawab **satu soalan sahaja**.  
Panjang jawapan anda hendaklah **antara 120 hingga 150 patah perkataan**.

### **Soalan 1**

Anda dan keluarga anda telah melawat ke Zoo Negara pada cuti hujung minggu yang lalu.  
Ceritakan pengalaman anda bersama keluarga. Tulis karangan anda selengkapnya.

### **Soalan 2**

Menabung merupakan amalan yang perlu diamalkan oleh setiap orang.  
Bincangkan kebaikan-kebaikan amalan menabung.